	PROSEDUR KERJA SELAMAT	Ref. No. : RW-SWP-GW-027
		Rev. No.: 0
		Rev. Date : 27.08.19

MEMANDU KENDERAAN (DRIVING)

PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

- ✓ Tali Pinggang Keselamatan
- ✓ Kasut Keselamatan

POTENSI HAZAD

- ✓ Percikan Api
- ✓ Tempat Pakir yang Sempit
- ✓ Laluan yang sempit
- ✓ Kenderaan yang Bergerak
- ✓ Tayar Bocor Semasa Memandu
- ✓ Permukaan Jalan yang Tidak Rata
- ✓ Memandu Dalam Keadaan Mengantuk
- ✓ Memandu dalam Keadaan Letih
- ✓ Barang atau peralatan yang berat
- ✓ Titik Buta

PEMERIKSAAN KENDERAAN

1. **Pemeriksaan Awal Kederaan Sebelum Penyerahan Kunci kepada Pemandu**

   - Wakil dari pihak logistic perlu memeriksa keadaan kenderaan terlebih dahulu sebelum menyerahkan kunci kepada pemandu.

   - Pemeriksaan kenderaan oleh pihak logistic hendaklah berpandukan borang RW-F-LOG-001 (vehicle, shell card, touch & go request & return form) yang telah dilengkapkan oleh pemandu terlebih dahulu.

   - Pastikan pemandu mempunyai lesen memandu seperti yang telah ditetapkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.

2. Pemeriksaan Kenderaan Oleh Pemandu

- Pastikan kenderaan berada dalam keadaan bersih dan selamat.
- Pastikan bunga tayar dalam keadaan baik dan angin mencukupi.
- Sebelum memulakan perjalanan pemandu perlu tentukan dan betulkan tempat duduk supaya alat kawalan seperti suis lampu, suis lampu isyarat sisi, dan pedal (brek, clutch, pemacu) dapat dicapai tanpa perlu menjangkau tangan dan kaki.
- Pastikan cermin pandang belakang dan cermin sisi dalam keadaan yang betul.
- Pastikan lampu isyarat, hon dan pencuci cermin (wiper) berfungsi.
- Pastikan paras suhu (temperature) dalam keadaan stabil dan bahan api (fuel) mencukupi.
- Pastikan gear di bebaskan dengan sepenuhnya sebelum menghidupkan enjin.
- Sekiranya terdapat kerosakan atau masalah pada kenderaan tersebut pemandu hendaklah melaporkan segera kepada pihak logistic.
- Pastikan kenderaan tersebut mempunyai alat pemadam api dan peti alat pertolongan cemas.
- Pastikan senarai barang yang dibawa ada disediakan.

OPERASI

1. Kerja-kerja *Loading / Unloading* Barang

- Pastikan saiz dan berat beban bersesuaian dengan had muatan kenderaan.
- Pastikan susunan barang mengikut kesesuaian berat dan saiz barang. Jangan mengangkut muatan melebihi had yang dibenarkan.
- Gunakan PPE yang sesuai seperti safety glove, safety shoes dan jaket keselamatan semasa kerja *loading / unloading* dijalankan.



- Pastikan menggunakan jentera atau alat yang bersesuaian untuk kerja loading / unloading beban yang berat keatas kenderaan.

- Barang yang besar dan mudah bergerak hendaklah di ikat pada bahagian kenderaan yang bersesuaian.

- Barang – barang yang dimuatkan hendaklah di letakkan dengan betul dan di susun dengan kemas di dalam kenderaan.

MEMANDU (DRIVING)

1. Memandu Di Jalan Raya

- Pemandu perlu merancang perjalan dengan baik seperti mengetahui laluan atau jalan yang hendak digunakan, tempoh perjalanan, tempat rehat sekiranya melibatkan perjalan yang jauh, tempat mengisi minyak dan sebagainya.

- Pemandu dan penumpang hendaklah memakai tali pinggang keledar sebelum memulakan perjalanan. Menjadi tanggungjawab pemandu untuk memastikan penumpang memakai tali pinggang keledar sebelum memulakan perjalanan.

- Pastikan pemandu mematuhi had laju yang di tetapkan oleh RWNA (90km/Jam) atau pihak berkuasa bagi mana-mana had laju yang lebih perlahan.

- Jangan mengekori kenderaan di hadapan terlalu rapat, pemandu di syorkan berada 2 saat di belakang kereta hadapan. Pemandu juga di nasihatkan berada 4 saat di belakang kenderaan hadapan sekiranya waktu hujan.

- Menyalakan lampu isyarat (signal) ketika memotong atau memasuki simpang, memotong atau memasuki simpang apabila keadaan selamat.

- Sebelum memotong pemandu perlu memeriksa dan melihat ke hadapan dalam 12 saat atau 100 meter. Memeriksa dan melihat ke belakang menggunakan cermin sisi kiri dan kanan serta cermin pandang belakang untuk memeriksa kawasan "Blindspot" atau terlindung daripada pandangan mata. Memberi isyarat dan memotong apabila keadaan selamat untuk memotong.

- Pastikan pencahayaan kenderaan cukup sekiranya memandu pada waktu malam, ketika hujan, atau tempat gelap.

2. Memasuki Parking / Memberhentikan Kenderaan

- Pandu dengan perlahan dan kenal pasti kawasan paking. Pastikan kawasan parking bersesuaian dengan saiz kenderaan.
- Nyalakan lampu isyarat sisi (signal) dan perlahankan kenderaan.
- Awasi penguna – penguna jalan raya lain di hadapan anda dan gunakan cermin pandang belakang untuk melihat dan mengetahui lalulintas dibelakang.
- Memasuki parking dangan perlahan sekiranya mendapati keadaan selamat.
- Menekan brek dan meletakkan gear dalam keadaan bebas seterusnya tarik brek tangan.
- Mematikan enijn kenderaan.

3. Titik Buta Ketika Memandu (Blind Spot)

- Titik buta (Blind Spot) adalah kawasan yang terlindung dari pandangan mata, cermin pandang belakng dan cermin sisi.
- Pemandu perlu berhati – hati ketika ingin membuat menukar Lorong semasa memandu, memotong kenderaan lain dan memasuki persimpangan.
- Untuk mengatasi masalah titik buta pemandu perlu menoleh sedikit ke kanan atau ke kiri sebelum membuat sebarang pergerakan.
- Menggunakan lampu isyarat sebelum bergerak atau memasuki simpang.
- Membunyikan hon sebagai isyarat untuk bergerak.



Kawasan Blindspots

4. **Tindakan Selepas Memandu**

- Berhenti di tempat yang selamat.
- Pastikan brek tangan dalam posisi membrek.
- Mematikan enjin dan menarik keluar kunci.
- Pastikan steering telah di kunci dengan baik.
- Tanggalkan tali pinggang keledar.
- Melihat cermin sis dan pandang belakang sebelum membuka pintu.
- Buka pintu perlahan-lahan dan keluar dari kenderaan.
- Tutup pintu dengan rapi.
- Kunci semua pintu sebelum meninggalkan kenderaan.

PERKARA YANG TIDAK PATUT DILAKUKAN

1. ***Memandu melebihi had laju.***
2. ***Memandu kenderaan yang rosak atau tidak sesuai di pandu.***
3. ***Memandu dalam keadaan tidak sihat, mengantuk, mabuk atau di bawah pengaruh dadah.***
4. ***Memandu secara berbahaya.***
5. ***Tidak memakai tali pinggang keledar.***
6. ***Membawa muatan yang lebih.***

KEBERSIHAN

1. Pastikan semua sampah atau bekas makanan tidak di tinggalkan di dalam kenderaa.
2. Pastikan alas kaki dalam keadaan bersih selepas digunakan.
3. Kenderaan perlulah di bersihkan sekiranya terkena lumpur atau benda kotor.

SEKIRANYA BERLAKU SEBARANG KEMALANGAN / KECEMASAN :

1. Berhentikan kenderaan di kawasan yang selamat.
2. Bebaskan gear, membrek menggunakan brek tangan dan mematikan enjin kenderaan
3. Laporkan kepada pihak logistic dan pihak QA/HSE.
4. Dapatkan bantuan dari orang sekitar.
5. Siasatan kemalangan oleh pihak QA/HSE.

KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

1. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) Bahagian 3 Jalan - Jalan

Disediakan Oleh:

.....
(Halif Safiuddin Hazmi)
QA/HSE Engineer

Disemak Oleh:

.....
(Maizatul Akhma bt. Ismail)
HR Manager

Disemak Oleh:

.....
(Ruzaima Wizana bt. Abd Razak)
QAHSE Manager